

11 APRIL 2018

Guru ditahan disyaki terlibat dadah

SINAR HARIAN • RABU 11 APRIL 2018

Guru ditahan disyaki terlibat dadah

SERI ISKANDAR - Seorang guru ditahan dalam satu serbuan di sebuah di Taman Changkat Lada Raya, Kampung Gajah kerana disyaki terlibat dengan aktiviti penagihan dadah.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Mohamad Zainal Abdullah berkata, serbuan itu dilakukan oleh anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Daerah (IPD) Perak Tengah jam 12.45 tengah malam tadi.

Menurutnya, ketika serbuan dibuat, guru berkeenaan yang berusia 45 tahun sedang duduk di atas lantai rumah berkeenaan.

"Pemeriksaan lanjut menjumpai satu bekas plastik warna ungu dan di dalamnya berisi tumbuhan kering disyaki dadah jenis ganja seberat 29.59 gram, satu peket plastik berisi tembakau, satu ikatan daun rokok diikat gelang getah dan gunting disyaki peralatan untuk menghisap dadah.

"Hasil ujian air kencing guru yang mengajar di sebuah sekolah menengah di daerah ini adalah positif dadah jenis



MOHAMAD ZAINAL

ganja," katanya.

Menurutnya, daripada siasatan guru berkeenaan tidak ada sebarang rekod lampau.

"Kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Suspek juga telah ditahan reman selama empat hari untuk siasatan lanjut," katanya.



Tumbuhan kering disyaki dadah jenis ganja yang dijumpai ketika serbuan.